

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat mengharamkan penggunaan pukot tunda yang telah menjejaskan ekosistem dan kerosakan habitat ikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani **sememangnya telah menetapkan pemansuhan operasi vesel pukot tunda di zon B sejak 1 Januari 2016.**

Pelaksanaannya telah bermula secara berperingkat melalui kaedah - kaedah kawalan yang berterusan bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.